



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENCAHAYAAN
DATARAN PEMUDA MERDEKA, BUTTERWORTH

OLEH

YANG BERTHORMAT TUAN LIM GUAN ENG
MENTERI KEWANGAN
MERANGKAP
AHLI PARLIMEN BAGAN

TARIKH / MASA / TEMPAT

01 JUN 2019 (SABTU)
8.30 MALAM
DATARAN PEMUDA MERDEKA
BUTTERWORTH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

Menteri Kewangan Malaysia
Merangkap Ahli Parlimen Bagan

Yang Berhormat Dato' Seri Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

SetiausahaPerbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Mohd Bazid Hj Abd Kahar

Pengurus Besar Penang Development Corporation

Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Seri Hong Yeah Wah

Managing Director Tan Wah Group

Yang Berusaha Encik Murali Ram

Pengarah Program Think City Sdn. Bhd.

Yang Berusaha Encik Zaini Bin Zainul

Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise

Kakitangan-kakitangan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat malam dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Projek Pencahayaan Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia merangkap Ahli Parlimen Bagan yang telah sudi hadir dan seterusnya akan merasmikan program kita pada malam ini. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat EXCO, ADUN serta Ahli Parlimen; Ahli-Ahli Majlis MPSP; Ketua-Ketua Jabatan; Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta semua yang turut hadir kerana sudi melapangkan masa, memeriahkan suasana bersama-sama bagi menjayakan Majlis pada malam yang barakah ini di bulan Ramadan yang mulia ini.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) komited untuk melaksanakan wawasan Negeri Pulau Pinang yang dinyatakan dalam *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), iaitu “*A Family-Focused Green and Smart State*” (Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga). Wawasan *Penang 2030* adalah merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat dan memberi tumpuan kepada kepada meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasa rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil dan pelaburan Kerajaan Negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan.

Selaras dengan Wawasan Penang 2030, MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*” yang memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Pelbagai program dan projek telah dilaksanakan dalam usaha untuk meremajakan semula Butterworth termasuklah aspek pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada semua golongan masyarakat tidak kira kumpulan B40, malah kepada golongan M40 dan T20 juga. Antara program dan kemudahan yang telah dilaksanakan adalah seperti *Butterworth Fringe Festival (BFF)*, *Temasya Bagan*, *Pocket Park* Lebuh Kampung Benggali, *Rain Garden* di Jalan Jeti Lama dan *Pesta RM2 Mini Food Festival*.

Justeru itu, MPSP sentiasa komited untuk melaksanakan projek-projek untuk kebaikan dan kemudahan masyarakat dengan menyediakan ruang awam untuk aktiviti-aktiviti rekreasi dan riadah. Dengan mewujudkan ruang terbuka yang menarik dan berfungsi untuk perhimpunan komuniti dan penggunaan riadah yang sihat, projek itu akan memaksimumkan potensi ruang yang tidak efisien dan meningkatkan kebolehbagaian di Seberang Perai. Penyediaan kawasan lapang seumpama ini dilihat sebagai salah satu inisiatif dalam meremajakan Seberang Perai ke arah *liveable city* di Pulau Pinang yang lebih ceria dan *vibrant*.

Padang Dataran Pemuda Merdeka dan Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi merupakan antara tempat yang seringkali digunakan untuk program-program rasmi di peringkat negeri dan kebangsaan seperti

Sambutan Hari Merdeka, *Butterworth Fringe Festival*, *Le Tour D' Langkawi* 2019, Temasya Bagan dan lain-lain acara. Kawasan ini juga sering menjadi tumpuan untuk aktiviti-aktiviti rekreasi santai dan sukan untuk penduduk tempatan dan pengunjung ke Butterworth.

Pelaksanaan projek-projek renovasi dan penambahbaikan ini menunjukkan usaha MPSP dengan sokongan padu dan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa mementingkan kemudahan dan kepentingan rakyat. Ini adalah antara usaha-usaha untuk memulihkan serta meremajakan Bandar Butterworth serta meningkatkan daya hidup (*liveability*) Bandar Butterworth.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Selari dengan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang menuju ke arah *Penang 2030* (Pulau Pinang 2030), MPSP telah mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan pemasangan lampu-lampu hiasan di kawasan-kawasan tumpuan awam di Seberang Perai. Hari ini kita dapat menyaksikan penyediaan lampu-lampu hiasan yang dipasang di Dataran Pemuda Merdeka, Butterworth ini.

Pemasangan lampu hiasan ini akan meningkatkan keceriaan kawasan persekitaran agar ianya lebih kondusif dan selesa untuk kegunaan masyarakat setempat dan seterusnya menjadi lokasi tarikan pelancong dalam dan luar negara.

Antara komponen projek pencahayaan adalah pembinaan Dataran Bagan dengan dua (2) unit arca berbentuk sampan, bangku duduk, pemasangan papan tanda BAGAN dan 18 unit *concrete decorative poles* yang juga boleh dipanggil sebagai "*festive light pole*". Bagi *festive light pole* lampu perhiasan yang dipasang akan ditukar dari masa ke semasa mengikut musim perayaan. Untuk musim raya lampu berbentuk ketupat akan dipasang, manakala semasa perayaan Tahun Baru Cina pula akan digantung lampu berbentuk tanglung. *Festive Light Pole* ini berbentuk melengkung yang membawa maksud rod pancing.

Projek ini telah mengambil masa 39 hari untuk disiapkan di mana projek dimulakan pada 23 April 2019 dan siap sepenuhnya pada 31 Mei 2019. Kos keseluruhan projek ini adalah berjumlah RM330,000.00. Menteri Kewangan Malaysia, Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng merangkap Ahli Parlimen Bagan telah memberi peruntukan sebanyak RM270,000.00 dan

saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia di atas pemberian peruntukan tersebut. MPSP pula telah memperuntukkan baki RM60,000.00 bagi merealisasikan projek ini.

Penyediaan ruangan ini iaitu Dataran Bagan dan pemasangan lampu-lampu di sekeliling Padang Dataran Pemuda Merdeka ini adalah bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengunjung di samping mewujudkan masyarakat setempat yang lebih sihat dan ceria. Projek ini akan memberi wajah baru kepada Dataran Pemuda Merdeka dan juga Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi yang telah siap dinaiktaraf.

Untuk makluman para hadirin sekalian, Dewan Dato' Ahmad Badawi juga telah dinaiktaraf sepenuhnya dengan penambahan *Digital Library* yang dinamakan "*Penang Science Café*", menaiktaraf dewan utama, bilik-bilik seminar, surau dan bumbung; membaikpulih tandas, membina pentas dan balkoni baru, memperbaiki landskap dan padang serta menara jam dan lain-lain lagi.

Kesemua ini juga akan memeriahkan lagi suasana persekitaran dan menambah nilai Pekan Lama Butterworth. Projek ini menyediakan lokasi kepada pengunjung untuk ber*selfie*, ber*wefie* dan bergambar kenangan

dengan berlatar belakangkan bangunan bersejarah Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi. Dataran Pemuda Merdeka adalah lokasi bersejarah yang merupakan tempat pengisytiharaan Kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957 di Wilayah Utara. Dataran Pemuda Merdeka juga menjadi pelengkap kepada Zon Kesenian dan Kebudayaan Butterworth.

Malaysia menerima 25,832,354 orang pelancong pada tahun 2018 dan 5.4% daripadanya mengunjungi negeri Pulau Pinang. Secara tidak langsung, projek ini dapat menarik pelancong ke Seberang Perai dengan adanya hub pengangkutan darat yang lengkap iaitu Penang Sentral. Ini juga akan membuka peluang kepada golongan B40 untuk menambah melalui *Local Economic Development* (LED) dengan menjalankan perniagaan dan pekerjaan berkaitan pelancongan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

MPSP sebagai sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau "*People Centric*" akan berusaha ke arah menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan yang bersih dan mampan. Projek pencahayaan ini bakal memberi manfaat kepada penduduk Bagan khususnya dan Seberang Perai secara umumnya. Semoga dengan pelaksanaan projek ini bakal menarik warga

Seberang Perai untuk beriadah di sekitar kawasan Dataran Pemuda Merdeka dan meningkatkan kualiti hidup warga Seberang Perai. Adalah menjadi hasrat MPSP supaya kawasan ini dimajukan sebagai lokasi pelancongan yang tersohor di Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat menjayakan Projek Pencahayaan Dataran Pemuda Merdeka kerana secara tidak langsung usaha ini telah merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan visi MPSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi malahan dapat memberi impak khususnya kepada penduduk setempat.

Saya amat mengharapkan serta memohon agar tapak ini dijaga dengan baik oleh pengunjung dan penduduk setempat. Jadilah mata-mata MPSP, laporkan sekiranya ada berlaku sebarang masalah *vandalisme*, kecurian dan pembuangan sampah daripada pihak yang tidak bertanggungjawab agar tindakan dapat diambil ke atas mereka. Ingatlah tuan-tuan dan puan-puan, kemudahan ini adalah hak milik kita bersama. Sama-samalah kita menjadi warga yang bertanggungjawab. Sayangi Seberang Perai dan peliharalah kemudahan-kemudahan yang telah disediakan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang selama ini telah menyumbangkan tenaga dan buah fikiran sehingga MPSP telah telah mengorak langkah menjadi bandaraya tidak lama lagi. Kejayaan ini merupakan hadiah Aidil Fitri yang tidak ternilai yang harus dibanggakan. Memandangkan kita semua berada di ambang bandaraya, tanggungjawab kita akan menjadi lebih berat terutama dari segi kebersihan, pencahayaan, menyediakan infrastruktur yang baik, menyediakan tempat riadah yang selesa dan bermacam-macam lagi. Marilah kita sama-sama tanamkan azam dan semangat untuk memperbaharui cara kerja kita, bersedia mental dan fizikal kita supaya kita akan bekerja dalam keadaan yang lebih cemerlang daripada sebelum ini.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan Malaysia atas kehadiran mereka yang memberikan dorongan dan inspirasi atas usaha-usaha kami. Terima kasih juga kepada Ahli Majlis MPSP, badan-badan korporat dan penduduk-penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam usaha membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MPSP dan saya pasti dengan komitmen ini, "***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa***"

Hadapan” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***” dapat direalisasikan.

Memandangkan Hari Raya Aidil Fitri semakin hampir, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidil Fitri, Maaf Zahir Batin kepada para hadirin yang beragama Islam. Bagi yang ingin pulang ke kampung halaman, berhati-hatilah memandu dan ingat orang yang tersayang.

Dengan ini, saya sudahi dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Sekian, Terimakasih.